

28/07/2001

Jaseri sasar jual 60 unit Porsche

JASERI Auto Sdn Bhd (Jaseri), pengimport dan pengedar tunggal kereta Porsche di Malaysia mensasarkan jualan kira-kira 60 unit kereta mewah buatan Jerman itu dalam tempoh setahun akan datang.

Pengerusinya, Datuk Mokhzani Mahathir, berkata syarikat itu turut mengunjurkan untuk menjual 50 model Saab, Rover dan General Motor dalam tempoh yang sama.

Beliau berkata, sejak dilantik sebagai pengedar Porsche bulan lalu, Jaseri berjaya menjual lima unit Porsche Boxsters dan dua unit Porsche Carrera GT.

"Walaupun bilangan sasaran kereta bagi kedua-dua model Porsche untuk dijual agak tinggi, kami yakin akan mencapai sasaran itu," katanya kepada pemberita selepas majlis pembukaan bilik pameran Auto Eurokars Sdn Bhd bernilai RM4 juta oleh Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah, di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata, sasaran jualan itu adalah berdasarkan kepada kuota yang ditetapkan Porsche AG selepas satu kajian mengenai penerimaan pasaran di negara ini.

Jaseri mempunyai dua bilik pameran iaitu di Taman Perusahaan Temasya di Shah Alam dan di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Kedua-duanya diuruskan Auto Eurokars yang turut mengendalikan perkhidmatan selepas jualan dan bengkel penyelenggara di Shah Alam.

(END)